

# Ada persediaan, perancangan bayar balik pinjaman



Rio Iskandar Jasman



Amalia Fadilah Roselin

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebilangan mahasiswa tahun akhir di universiti awam (UA) sudah melakukan persediaan dan perancangan untuk membayar balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) masing-masing.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Rio Iskandar Jasman, berkata beliau akan berusaha sebaik mungkin untuk mencapai ijazah kelas pertama bagi membolehkan status pinjaman itu bertukar menjadi biasiswa. Namun jika harapan

itu tidak kesampaian, katanya, beliau akan mencari pekerjaan sebaik tamat pengajian atau meminjam wang daripada keluarga untuk pembayaran balik demi mengelakkan namanya disenarai hitam.

"Jika perlu membayarnya semula, saya akan mendapatkan pekerjaan secepat mungkin dan bekerja keras, malah sanggup melakukan dua pekerjaan untuk mengurangkan jumlah hutang PTPTN.

### Langkah awal

"Walaupun perlu memikirkan hal lain seperti kereta, rumah dan persediaan perkahwinan, saya akan cuba mengurangkan sebanyak mungkin jumlah hutang PTPTN supaya tidak menjadi beban besar kelak," katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana

Muda Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia (UUM), Wan Mohd Ameerul Nazhif Wan Zulfikri, pula sudah mengambil langkah awal menyimpan suku daripada jumlah pinjaman diperoleh sebagai persediaan untuk pembayaran semula nanti.

Walaupun mungkin membebankan kerana perlu mengikat perut dan berjimat cermat dalam perbelanjaan ketika ini, beliau optimis bahawa ada hikmah di sebalik usaha itu pada masa depan.

"Apabila sudah bekerja nanti, saya akan membayar sejumlah besar wang yang berjaya dikumpulkan ini dan hanya perlu menambah untuk bayaran ansuran bulanan.

"Saya percaya usaha ini

akan dapat mengurangkan beban diri pada masa depan yang serba mencabar kerana kos sara hidup semakin tinggi," katanya.

### Dahulukan keperluan

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan UUM, Intan Nuraisha Rosli, pula berhasrat terus membayar balik pinjaman PTPTN menerusi kaedah pemotongan secara berkala selepas enam bulan menamatkan pengajian.

Beliau juga akan memastikan wang pembayaran balik itu diasingkan daripada jumlah pendapatan diperoleh sebagai komitmen bulanan.

"Pengurusan wang harus dilakukan dengan baik apabila mula bekerja nanti. Saya akan mendahulukan

keperluan berbanding kehendak yang kurang penting," katanya.

Sementara itu pelajar Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Amalia Fadilah Roselin, berkata sejak tahun pertama pengajian, beliau sudah mengasingkan satu perempat daripada jumlah penuh pinjaman PTPTN ke akaun lain untuk tujuan pembayaran semula.

Sebaik tamat pengajian, beliau akan bekerja sambil untuk menambah jumlah simpanan dalam akaun itu.

"Apabila mendapat pekerjaan tetap, pembayaran semula menerusi potongan gaji akan diuruskan dengan majikan," katanya.